

20/12/2003

SIC kesal ada pelumba merokok di pit

Aida Adilah Mat

PENGERUSI Sepang International Circuit (SIC) Datuk Mokhzani Tun Mahathir berkata pelumba sukan bermotor tidak akan dapat bertahan lama dalam sukan itu jika mereka masih tidak berdisiplin.

Dalam ucapannya yang dibacakan oleh Pengurus Besar SIC, Ahmad Mustafa di majlis penyampaian hadiah kepada pemenang perlumbaan Malaysia Super Series di Hotel Grand Plaza Park Royal, Kuala Lumpur malam tadi, beliau berkata sikap negatif yang masih diamalkan oleh kebanyakan pemandu dan ahli pasukan mereka menyebabkan pihak kerajaan dan penaja terpaksa bekerja keras untuk membentuk sukan ini di Malaysia.

"Disiplin adalah kunci utama untuk berjaya, tetapi yang menyedihkan kurangnya disiplin peserta dalam kejohanan Malaysia Super Series.

"Untuk series ini, atau yang lebih tepat lagi, kepada semua peserta yang ingin meneruskan perjuangan, peserta dan ahli kumpulan mesti terlebih dulu memperbetulkan diri masing-masing," katanya.

Antara masalah disiplin utama yang dikesan ialah tidak mengendahkan larangan merokok di litar.

Mokhzani berkata larangan merokok di kawasan tempat perhentian lumba kereta telah diberikan, tetapi masih ramai pemandu dan krew mengambil mudah larangan itu dan tidak mempedulikan syarat yang telah ditetapkan meskipun perkara ini boleh menjejaskan keselamatan mereka.

"Meskipun pihak pengurusan dan pegawai yang bertanggungjawab berulang kali mengingatkan peserta bahawa tempat perhentian perlumbaan adalah kawasan larangan merokok, ada setengah mereka yang tidak mengambil peduli larangan ini.

"Kami tidak pernah mengambil mudah mengenai keselamatan semasa memandu. Sukan bermotor ini ialah sukan yang mempunyai risiko yang tinggi, tetapi ia akan menjadi sukan yang selamat jika kita berusaha sepenuhnya mengenai